

## **IDEOLOGI EKSTREM DALAM SERI MATERI TAUHID**

Muhammad Rashidi Wahab, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria,  
Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff

### **ABSTRACT**

*Extremism or extreme ideology is a global threat, also faced by the Islamic world with the emersion of various terrorist groups. Every country seeks hard to deal with this threat despite the complexity of its nature in current globalization era. In the context of the Malay Archipelago, there are several terrorist groups and their prominent figures that have been identified by the national security agency. One of those figures is Aman Abdurrahman who is involved in leading a series of terrorist threats in Indonesia. He is also a proactive writer in disseminating extreme ideology to the extent that many of his books become reference for other terrorist groups within the region. Hence, this article will examine the extreme ideology found in one of Aman Abdurrahman's main books, namely Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad using content analysis methode. Accordingly, the article analyses the perplexities and distortions found in the book based on the true Islamic teachings of Ahli Sunnah wal Jama'ah. The findings show that there are four basic frameworks in the formation of extreme ideology according to the book Seri Materi Tauhid, namely; The main concept of monotheism is based on La Ilaha Illa Allah, the government is taghut and democracy is infidelity, disbelief (takfir) of the perpetrators of major sins and shirk, and it is obligatory to fight against people who have disbelieved. The article also found that the extreme ideology presented is a continuation of the chivalric school of thought, especially that of Khawarij and later developed into Salafi-Wahhabi. Thus, Muslims in Malaysia must turn down this extreme ideology, not only because it contradicts Ahli Sunnah wal Jama'ah, but more imporatly, it poses a threat to the security and peace of the country.*

*Keywords:* Extreme ideology, Seri Materi Tauhid, Aman Abdurrahman, Ahli Sunnah wal Jama'ah (Sunnite Muslim), Nusantara

## **ABSTRAK**

Ekstremisme atau ideologi ekstrem merupakan ancaman global yang turut dihadapi oleh dunia Islam dengan kemunculan pelbagai kumpulan pengganas. Setiap negara berusaha keras dalam menanganinya sekalipun ia menjadi semakin rumit pada zaman globalisasi kini. Dalam konteks Nusantara, terdapat beberapa kumpulan pengganas serta tokoh-tokoh mereka yang telah dikenal pasti oleh pihak keselamatan. Salah seorang daripada tokoh tersebut ialah Aman Abdurrahman yang terlibat memimpin beberapa siri keganasan di Indonesia. Beliau juga merupakan seorang penulis yang proaktif dalam menyebarkan ideologi ekstrem sehingga buku-bukunya menjadi rujukan kumpulan pengganas lain di rantau ini. Oleh itu, berdasarkan kaedah analisis kandungan dokumen, makalah ini akan meneliti ideologi ekstrem yang terdapat dalam sebuah buku utama Aman Abdurrahman iaitu Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad. Seterusnya makalah akan menganalisis kekeliruan dan penyelewengan yang terdapat dalam buku tersebut berdasarkan ajaran Islam sebenar Ahli Sunnah wal Jama‘ah. Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat empat kerangka asas dalam pembentukan ideologi ekstrem menurut buku Seri Materi Tauhid iaitu; konsep utama tauhid berdasarkan *La Ilaha Illa Allah*, pemerintah adalah taghut dan demokrasi adalah kafir, mengkafirkhan (*takfir*) pelaku dosa dan syirik besar, dan wajib berjihad memerangi orang yang telah dikafirkhan. Makalah juga mendapati ideologi ekstrem yang dikemukakan tersebut merupakan kesinambungan daripada aliran pemikiran silam khususnya Khawarij dan kemudian berkembang kepada Salafi-Wahabi. Justeru, umat Islam di Malaysia mesti menolak ideologi ekstrem ini kerana ia bukan sahaja bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jama‘ah, malah membawa ancaman kepada keselamatan dan keamanan negara.

Kata kunci: *Ideologi ekstrem, Seri Materi Tauhid, Aman Abdurrahman, Ahli Sunnah wal Jama‘ah, Nusantara*

## PENDAHULUAN

Ancaman ekstremisme atau ideologi ekstrem bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh negara-negara Islam di Timur Tengah, malah negara-negara di rantau Nusantara turut berhadapan dengan perkara yang sama. Menurut Ayob Khan Mydin Pitchay (Utusan Malaysia, 2017), kemunculan awal kumpulan pengganas di Malaysia berpunca daripada pengaruh luar, khususnya dari kumpulan Darul Islam (DI) di Indonesia. Seramai 20 orang anggota DI yang terlibat dalam peristiwa Tanjung Priok telah melarikan diri dari Indonesia dan tiba di Pelabuhan Klang pada April 1985. Ketika mereka di Malaysia, selain mempunyai hubungan dengan kumpulan al-Qaeda, pecahan daripada DI telah melahirkan, dan menyertai, beberapa kumpulan pengganas lain seperti Jemaah Islamiah (JI) dan Negara Islam Indonesia (NII). Kemudian NII menukar nama kumpulannya kepada Daulah Islamiah Nusantara (DIN), agar perjuangan mereka kelihatan tidak hanya memfokuskan kepada Indonesia. Sejak dengan perkembangan ini, rakyat Malaysia mula direkrut untuk menganggotai kumpulan-kumpulan tersebut.


Walau bagaimanapun, operasi yang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada ketika itu telah berjaya menangkis pelbagai rancangan yang dilakukan oleh mereka (Utusan Malaysia, 2017). Namun dalam konteks semasa, usaha menangani penularan pemikiran ekstrem yang menjurus kepada keganasan adalah lebih mencabar. Bahan-bahan dalam talian (*online*) contohnya, seperti video ceramah dan tulisan berbentuk buku atau artikel daripada kumpulan pengganas, dapat diakses dengan begitu mudah. Setiap orang boleh menonton dan memuat turun (*download*) bahan-bahan tersebut. Lebih membimbangkan, ia didatangkan dalam bahasa Melayu oleh anggota pengganas tempatan sendiri, termasuklah melalui bahasa Indonesia. Antara bahan dalam bahasa Indonesia ialah buku Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad tulisan Abu Sulaiman Aman Abdurrahman. Justeru, makalah ini akan meneliti kandungan buku berkenaan dan seterusnya menganalisis kekeliruan penulis terhadap asas serta elemen ideologi ekstrem yang menjadi pegangannya.

## LATAR BELAKANG BUKU DAN PENULIS

Penulis buku Seri Materi Tauhid, Aman Abdurrahman (atau Oman Rochman) dengan *kunyah* Abu Sulaiman, dilahirkan pada 5 Januari 1972 di Sumedang, Jawa Barat, Indonesia. Dari aspek pendidikan, beliau pernah belajar di pesantren (pondok) ketika zaman remaja, dan seterusnya memiliki S1 (Ijazah Sarjana Muda) dari Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) Jakarta (cawangan Universiti Muhammad Ibn Sa‘ud, Arab Saudi) pada tahun 1999. Dari aspek pemikiran, Aman Abdurrahman banyak dipengaruhi oleh seorang pendakwah dari Arab Saudi iaitu Muhammad Salim al-Dawsari. Daripada pendakwah ini, beliau menekuni karya-karya tokoh-tokoh Salafi-Wahabi seperti Muhammad ‘Abd al-Wahhab, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim. Keadaan ini menjadikan beliau seorang yang berpegang teguh dengan tauhid Salafi-Wahabi. Beliau juga terpengaruh dengan karya Tarikh Najd yang merakamkan usaha dakwah tokoh Salafi-Wahabi khususnya Muhammad ‘Abd al-Wahhab dalam menegakkan sunnah dan menghapuskan bidaah (Tutur Ahsanil Mustofa, 2018: 41).

Manakala tokoh kontemporari yang mempengaruhi pemikirannya ialah pemimpin Salafi Jihadi antarabangsa iaitu Abu Muhammad ‘Ashim al-Maqdisi dan ‘Ali Khudair al-Khudair (Obsatar Sinaga et. al., 2018: 121). Dari aspek penglibatan dalam kumpulan pengganas, pada tahun 2004, Aman Abdurrahman mula menyertai kumpulan NII, kemudian dikenali sebagai kumpulan Tawhid wa al-Jihad. Selepas itu, pada tahun 2010, beliau bergabung dengan kumpulan Jama‘ah Ansar al-Tawhid (JAT) pimpinan Abu Bakar Baasyir. Pada tahun 2014, beliau mendirikan kumpulan Jama‘ah Ansar al-Dawlah (JAD) dan seterusnya menyokong kumpulan Islamic State of Iraq and Sham (ISIS). Dukungan ini menjadikan beliau pelopor dan pemimpin utama ISIS di Indonesia. Justeru, beliau didapati terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam beberapa siri serangan di Indonesia seperti; pengeboman di Thamrin (2016), Gereja Oikumene (2016), Kampung Melayu (2017), menembak polis di Medan dan Bima (2017) dan lain-lain (BBC News Indonesia, 2018).

Penglibatan aktif Aman Abdurrahman tersebut menyebabkan beliau diangkat sebagai salah seorang tokoh utama kumpulan pengganas di Indonesia, bahkan digelar “Singa Tauhid” oleh para pengikutnya. Namun pada 22 Jun 2018, setelah didapati bersalah, beliau dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Jakarta Selatan. Dari aspek penulisan pula, Turur Ahsanil Mustofa (2018: 46) menyenaraikan sebanyak; 26 buah buku yang ditulis sendiri oleh beliau, dan 63 buah buku adalah terjemahan yang kebanyakannya daripada karya-karya tokoh Salafi-Wahabi seperti Muhammad ‘Abd al-Wahhab dan Abu Muhammad al-Maqdisi. Adapun buku Seri Materi Tauhid termasuk dalam salah sebuah buku tulisan Aman Abdurrahman sendiri. Buku ini dianggap antara buku penting untuk mengenali ideologi beliau secara dekat, terutamanya mengenai tauhid dan jihad. Disebabkan itu, buku tersebut dijadikan sebagai salah satu bahan bukti oleh pihak pendakwa raya, yang menurut mereka turut dijadikan rujukan oleh anggota kumpulan pengganas yang lain (Nusantara News, 2018).



Berdasarkan catatan di dalam buku Seri Materi Tauhid, buku ini diterbitkan secara dalam talian oleh [www.millahibrahim.wordpress.com](http://www.millahibrahim.wordpress.com), iaitu laman sesawang milik Aman Abdurrahman. Laman sesawang ini juga digunakan untuk memuat naik tulisan-tulisan daripada kumpulan-kumpulan pengganas yang lain seperti ISIS. Sehubungan itu, pihak berkuasa Indonesia telah mengambil keputusan untuk menyekat laman sesawang tersebut agar ia tidak mempengaruhi pemikiran masyarakat. Walau bagaimanapun, pihak

berkuasa Indonesia mengakui bahawa sebahagian tulisan daripada laman sesawang masih boleh diakses melalui VPN (Virtual Private Network) dan melalui laman-laman sesawang yang lain tidak disekat (Merdeka.com, 2018). Penelitian terkini menunjukkan bahawa buku Seri Materi Tauhid boleh dimuat turun secara bebas melalui laman sesawang seperti Internet Archive (<https://archive.org/>) dan lain-lain laman sesawang. Bukan itu sahaja, buku ini juga telah dijual secara terbuka melalui platform kedai maya seperti Shopee (<https://shopee.co.id/>).

Pada akhir muqaddimah buku Seri Materi Tauhid, Aman Abdurrahman (T.th: 19) mencatatkan tarikh beliau selesai menulis pada 23 Ramadan 1427 (16 Oktober 2006). Sedangkan pada akhir pengantar, editor (T.th: 8) mencatatkan tarikh kerja-kerja penyuntingan selesai pada 23 Safar 1429 (1 Mac 2008). Ini bermaksud, penerbitan pertama Seri Materi Tauhid dianggarkan sekitar pertengahan tahun 2008, iaitu ketika beliau masih bersama kumpulan Tawhid wa al-Jihad. Mungkin disebabkan itu, Aman Abdurrahman meletakkan tema bukunya Tauhid dan Jihad. Dalam catatan pengantar juga, selain menyebutkan Aman Abdurrahman merupakan seorang ulama *muhaqqiqin* bergelar Singa Tauhid, editor (T.th: 6) menjelaskan bahawa buku Seri Materi Tauhid pada asalnya adalah kumpulan tulisan (risalah) dan ceramah Aman Abdurrahman. Kemudian bahan-bahan tersebut disunting dan dibukukan sebagai memenuhi “panggilan kecemasan” terhadap perbahasan syirik dalam hukum atau undang-undang. Usaha ini, menurut editor, adalah bagi mencapai tujuan Khalifah Islamiyyah.

Aman Abdurrahman (T.th: 9-20) pula menyatakan dalam muqaddimah bahawa bukunya adalah untuk menyeru manusia supaya beribadah kepada Allah SWT dan menjauhi taghut, sebagaimana tujuan utama dakwah Rasulullah SAW yang dinaskan dalam al-Quran (al-Nahl (16): 36). Bagi mencapainya, perkara pertama dan paling penting yang perlu dilakukan adalah membahaskan tentang tauhid, khususnya *La Ilaha Illa Allah*. Menurutnya lagi, *La Ilaha Illa Allah* mempunyai dua makna atau rukun iaitu; *La Ilaha* bermaksud menjauhi taghut, dan *Illa Allah* bermaksud ibadat hanya kepada Allah SWT. Sesiapa yang sekadar mengaku beriman kepada Allah SWT tetapi tidak mengafirkan taghut, bererti mereka belum berpegang dengan *La Ilaha Illa Allah*. Malah mereka yang tiada *La Ilaha Illa Allah* tersebut tidak boleh

dikatakan seorang Muslim dan mukmin, bahkan mereka tergolong dalam kalangan orang kafir. Bagi memperkuatnya kenyataannya, beliau membawakan rujukan antaranya daripada Muhammad ‘Abd al-Wahhab melalui karya Taysir al-‘Aziz al-Hamid.

Secara lebih terperinci, Seri Materi Tauhid mengandungi 176 halaman dan 17 seri (bab); bab 1 muqaddimah, bab 2 inti dakwah para rasul, bab 3 kandungan *La Ilaha Illa Allah*, bab 4 siapakah taghut?, bab 5 tauhid syarat diterima amal, bab 6 tinjauan kekafiran demokrasi, bab 7 siapakah orang musyrik itu?, bab 8 hukum patuh terhadap kaum musyrikin, bab 9 syarah kutipan berharga, bab 10 takfir pelaku syirik akbar, bab 11 ansar taghut, bab 12 siapakah ulil amri yang wajib ditaati?, bab 13 masihkah kalian ragu?, bab 14 status bekerja di pejabat pemerintah taghut, bab 15 akibat bagi orang murtad, bab 16 keterjagaan darah, dan bab 17 rinci bekerja di pejabat pemerintahan taghut (Aman Abdurrahman, T.th: 1-4). Bab-bab ini disusun bagi menghuraikan pendiriannya, sebagaimana yang disentuh dalam muqaddimah (pendahuluan) buku, bahawa sesiapa yang tidak mengkafirkhan taghut adalah tidak beriman kepada Allah SWT dan rasul-Nya. Maka daripada huraian Aman Abdurrahman inilah akan dikeluarkan asas serta elemen ideologi ekstrem yang terdapat dalam Seri Materi Tauhid.

## KERANGKA ASAS IDEOLOGI EKSTREM

Ideologi dapat difahami sebagai fahaman, pemikiran atau doktrin yang menjadi asas pegangan kepada seseorang atau sekumpulan manusia. Kamus Dewan mendefinisikan ideologi adalah fahaman atau ajaran yang dipakai atau yang dicita-citakan untuk dasar pemerintahan (DBP, 2015: 559). Ekstrem pula didefinisikan sebagai keterlaluan atau melampau, maka ekstremisme bererti faham, sikap dan perlakuan yang ekstrem (DBP, 2015: 383). Dalam konteks makalah ini, ideologi ekstrem bermaksud tulisan atau pegangan yang membawa pemikiran melampau, keras atau ganas daripada penulis Seri Materi Tauhid, iaitu Aman Abdurrahman. Secara lebih jelas, mana-mana tulisan beliau dalam buku tersebut yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar berteraskan Ahli Sunnah wal Jama‘ah, antaranya bercirikan *wasatiyyah*, adalah termasuk kategori ideologi ekstrem. Justeru, untuk lebih sistematik dan memudahkan perbincangan, topik ini akan merumuskan kandungan Seri

Materi Tauhid dengan menyusun dan mentemakan kerangka asas ideologi ekstrem kepada empat:

### **1. Konsep Utama Tauhid; *La Ilaha Illa Allah***

Sebagaimana ulasan muqaddimah buku di atas, juga selari dengan tajuk buku, fokus dan tujuan Seri Materi Tauhid adalah berpusat kepada tauhid. Ini bermaksud, lain-lain perbahasan seperti *takfir* dan jihad merupakan cabang atau hasil daripada tauhid tersebut. Disebabkan itu, penting untuk diteliti konsep tauhid yang menjadi pegangan Aman Abdurrahman serta pengikutnya. Tanpa mengetahui konsep tauhid ini, umat Islam tidak dapat memahami apakah ideologi sebenar mereka. Justeru, konsep utama tauhid yang dikemukakan oleh Aman Abdurrahman (T.th: 9-19) adalah berteraskan *La Ilaha Illa Allah*, iaitu beribadah kepada Allah SWT dan menjauhi taghut. Dalam penjelasannya, beliau membawakan hujah daripada Muhammad ‘Abd al-Wahhab tentang empat perkara yang mesti dinafikan bagi seseorang Muslim yang berpegang dengan *La Ilaha Illa Allah*, iaitu meninggalkan; sembah-sembahan (*alihah*), tuhan-tuhan pengatur (*arbab*), tandingan-tandingan (*andad*) dan taghut. Tidak memadai dengan hanya mengucapkan *La Ilaha Illa Allah* (Aman Abdurrahman, T.th: 32).

Menurut Aman Abdurrahman (T.th: 32-35), *ilah* iaitu tuhan bermaksud “apa yang engkau tuju dengan sesuatu hal dalam rangka mencari manfaat atau menolak bala bencana.” Perkataan “dengan sesuatu hal” adalah tindakan atau perbuatan dalam meninggalkan perkara-perkara dilarang seperti sembahana pada batu atau pokok besar, pesta dewa laut atau sawah, menjamu jin dan meminta kepada kuburan wali keramat (tawassul). Malah dalam al-Quran (al-Taubah (9): 31) turut dinyatakan bahawa orang Nasrani juga menjadikan tuhan-tuhan daripada orang alim (pendeta) dan pemimpin sebagai sembahana. Semua mereka ini termasuk dalam kalangan orang-orang musyrik yang mempersekutukan Allah SWT. Dalam konteks semasa, golongan penyembah tuhan-tuhan adalah penerima sistem demokrasi yang sewenang-wenangnya membuat undang-undang di dunia. Demokrasi telah merampas sifat dan hak ketuhanan daripada Allah SWT dengan memberikannya kepada rakyat dan pemimpin. Justeru, demokrasi seperti di Indonesia adalah sebuah sistem syirik (Aman Abdurrahman, T.th: 35-41).

Aman Abdurrahman (T.th: 20-28; 43-51) juga menyatakan bahawa seseorang itu tidak dikira sebagai Muslim yang berpegang dengan *La Ilaha Illa Allah* jika tidak mengkafirkan taghut. Menurut Muhammad ‘Abd al-Wahhab, terdapat lima perkara dalam mengkafirkan taghut iaitu; meyakini batilnya ibadat kepada selain Allah SWT, meninggalkannya, membencinya (*al-barā’*), mengkafirkan pelakunya (sekurangnya secara *naw’* (jenis)), dan memusuhi pelakunya. Jika salah satu daripada lima ini diabaikan, maka ia belum lagi mengkafirkan taghut bahkan juga dikatakan belum lagi Muslim sekalipun mereka bersolat, berpuasa dan melakukan ibadat lain. Sedangkan beriman kepada Allah SWT pula mempunyai lima makna iaitu; meyakini Allah SWT adalah satu-satunya Tuhan yang berhak diibadati (*al-uluhīyyah*), memurnikan seluruh ibadat hanya kepada Allah SWT, menafikan ibadat dari selain Allah SWT, mencintai serta setia kepada orang yang bertauhid (*al-wala’*) dan membenci serta memusuhi para pelaku syirik (*al-barā’*) (Aman Abdurrahman, T.th: 29-31).

Huraian *La Ilaha Illa Allah* ini sebenarnya adalah manifestasi daripada pendirian Aman Abdurrahman (T.th: 83-84) terhadap umat Islam yang dilihat menolak *al-uluhīyyah* Allah SWT. Memetik karya *al-Durar al-Saniyyah* daripada Muhammad ‘Abd al-Wahhab, beliau menyatakan bahawa mereka dihukum sebagai kafir kerana mempersekuatkan Allah SWT setelah dijelaskan kebatilan perihal syirik. Justeru, menolak syirik dengan mengkafirkan taghut yang mempersekuatkan Allah SWT adalah termasuk dalam salah satu makna *La Ilaha Illa Allah* yang mesti diimani oleh setiap Muslim. Menurut Aman Abdurrahman (T.th: 117; 62) lagi, demokrasi merupakan contoh rampasan hak ketuhanan sama ada dari aspek *al-rububiyyah* dan *al-uluhīyyah* Allah SWT oleh manusia taghut. Namun malangnya majoriti umat Islam masih belum memahami hakikat *La Ilaha Illa Allah* ini sehingga mereka terus menerima taghut (Aman Abdurrahman, T.th: 122). Umat Islam tersebut dianggap lebih kafir dari orang kafir asli dan para nabi palsu (Aman Abdurrahman, T.th: 137; 161-162).

## 2. Pemerintah Taghut dan Kekafiran Demokrasi

Mengkafirkan (*takfir*) taghut dan beriman kepada Allah SWT merupakan kewajipan pertama yang Allah SWT fardukan ke atas manusia sehingga ia

menjadi dasar utama dakwah para rasul (Aman Abdurrahman, T.th: 20). Menurut Aman Abdurrahman (T.th: 53-56), taghut ialah “segala yang dilampaui batasnya oleh hamba, baik itu yang diikuti atau ditaati atau diibadati.” Taghut terbahagi kepada lima golongan iaitu; syaitan, penguasa atau pemerintah yang zalim, orang yang memutuskan dengan selain apa yang telah diturunkan oleh Allah SWT, orang yang mengaku mengetahui perkara ghaib, dan orang yang beribadat kepada selain Allah SWT serta meredainya. Dalam huraianya, beliau menyatakan bahawa syaitan itu ada dua jenis iaitu; syaitan jin dan syaitan manusia. Syaitan manusia ialah mereka yang mempertahankan tradisi mistik atau khurafat, meminta bantuan daripada orang mati, memakai sistem demokrasi, menegakkan undang-undang buatan manusia, dan berpegang dengan fahaman syirik seperti sosialisme, kapitalisme, liberalisme, falsafah dan lain-lain.

Manakala pemerintah zalim adalah taghut yang mengubah ketetapan Allah SWT. Mereka terdiri daripada ahli-ahli Parlimen, antaranya Presiden dan menteri-menteri, yang berjanji setia kepada sistem syirik iaitu demokrasi. Termasuk dalam taghut ini ialah ketua kaum, para hakim, peguam serta anggota perundangan yang berpegang dan memutuskan hukum berdasarkan undang-undang manusia. Mereka telah merampas hak khusus daripada Allah SWT. Perkara demikian menjadikan “taghut hukum” adalah taghut yang paling berbahaya pada masa kini. Memetik kenyataan Ibn Taymiyyah, Aman Abdurrahman menegaskan bahawa semua mereka yang terlibat mengubah aturan Allah SWT adalah kafir. Menurut Aman Abdurrahman (T.th: 61-71) lagi, demokrasi mempunyai beberapa prinsip yang menyebabkan ia dikatakan kafir iaitu; sumber hukum bukan Allah SWT tetapi rakyat, maka hukum yang dipakai adalah buatan manusia, memberikan kebebasan dan keyakinan dalam berfikir, kebenaran adalah suara majoriti, tuhan banyak dan beraneka ragam, dan persamaan hak.

Oleh itu, demokrasi adalah sebuah agama kafir lagi syirik yang berperanan melindungi, mengakui dan menjamin kebebasan semua agama, tetapi tidak kepada agama tauhid. Mereka menggunakan hukum jahiliyyah dalam melaksanakan demokrasi. Perkara ini merupakan kerosakan yang besar, kekafiran yang nyata serta kemurtadan yang jelas bagi mereka yang mendukungnya. Maka memakai undang-undang selain hukum yang

diturunkan oleh Allah SWT adalah syirik besar kerana demokrasi adalah ajaran syaitan. Sesiapa yang menjadi pengikut dan pembantu mereka pula adalah wali-wali syaitan. Dimaksudkan dengan pembantu taghut oleh Aman Abdurrahman (T.th: 99-106) ialah “orang-orang yang membela-bela atau berjuang atau berperang untuk membela dan mempertahankan taghut, baik dengan lisan, tulisan ataupun dengan kekuatan (senjata).” Antara mereka ialah para ulama jahat yang mendakwa pemerintah taghut adalah pemerintah Islam, serta anggota tentera dan polis. Semua pembantu taghut itu sama kafirnya dengan taghut pemerintah.

Ini bererti, tiada kewajipan dalam mentaati pemerintah taghut kerana ia terkeluar dari perintah Allah SWT. Perintah ketaatan (al-Nisa' (4): 59) hanya kepada pemerintah Islam yang bukan taghut sahaja. Sedangkan Indonesia dan negara-negara lain, sekalipun mereka mengaku beragama Islam, tetapi seluruh undang-undangnya bukan dari Allah SWT. Sebaliknya mereka mengambil hukum daripada syaitan manusia dan wali-walinya berupa warisan penjahah kafir. Mereka yang terlibat dengan demokrasi yang berdasarkan sekularisme ini telah memperolok-olok ajaran Allah SWT. Justeru, menurut Aman Abdurrahman (T.th: 107-118), mereka bukan sekadar kafir, malah amat kafir kerana melanggari tauhid hukum (*al-hakimiyyah*). Bekerja dengan pemerintah taghut, khususnya berkaitan dengan perundangan, adalah sebuah kekafiran. Mereka secara jelas telah membantu taghut dalam sistem demokrasi kafir yang menegakkan hukum jahiliyyah (Aman Abdurrahman, T.th: 137-141; 161). Dalam erti kata lain, majoriti Muslim dan negara Islam di dunia pada hari ini adalah syirik dan kafir.

### **3. Mengkafirkan (*Takfir*) Pelaku Syirik Besar**

Jika diperhatikan perbincangan di atas, difahami bahawa tindakan mengkafirkan (*takfir*) pelaku syirik besar, antaranya pemerintah taghut, merupakan lanjutan daripada penghayatan konsep tauhid yang menjadi pegangan Aman Abdurrahman serta pengikutnya. Dalam muqaddimah buku lagi, Aman Abdurrahman (T.th: 11-16) telah menegaskan bahawa sesiapa yang tidak mengkafirkan taghut, orang tersebut dikira belum berpegang dengan *La Ilaha Illa Allah*. Mereka ini bukan Muslim yang beriman, bahkan mereka masih syirik dan kafir, serta amalan ibadat mereka seperti solat atau

puasa adalah tidak diterima oleh Allah SWT. Hanya golongan *al-muwahhidin* sahaja yang mempunyai komitmen terhadap tauhid sebenar La Ilaha Illa Allah. Disebabkan itu, orang musyrik (pelaku syirik) bagi Aman Abdurrahman (T.th: 72-77) adalah merujuk kepada mereka yang bersalah dengan tauhid *La Ilaha Illa Allah*. Ini kerana, syirik merupakan lawan kepada tauhid. Tiada tauhid jika terdapat syirik pada diri seseorang. Maka sesiapa yang melakukan syirik besar tanpa paksaan, mereka adalah musyrik.

Terdapat banyak dalil dari al-Quran dan hadis, serta ijmak ulama Salaf seperti Ibn Taymiyyah, Muhammad ‘Abd al-Wahhab dan para ulama Najd lain, yang menyebutkan perkara tersebut. Dalam huraian terhadap ayat al-Quran (al-Taubah (9): 6), Aman Abdurrahman menyatakan bahawa pelaku syirik dinamakan sebagai musyrik sekalipun belum mendengar firman Allah SWT. Malah beliau membawakan karya Kashf al-Shubuhat tulisan Muhammad ‘Abd al-Wahhab bagi menolak bantahan bahawa ayat itu untuk orang kafir sahaja. Tegasnya, ayat tersebut merangkumi golongan taghut, juga *ahl al-fatrah* yang tidak sampai seruan dakwah, kerana mereka pelaku syirik besar yang tidak beriman kepada Allah SWT. Atas dasar ini, ibu bapa Nabi Muhammad SAW turut dikatakan tergolong dalam kalangan orang musyrik. Bagi Aman Abdurrahman, pelaku syirik besar dihukum musyrik kafir jika mereka mengetahui hujah kebenaran daripada al-Quran dan hadis. Namun jika tidak mengetahui hujah, mereka dihukum sebagai musyrik yang bukan Muslim (tanpa mengkafirkannya).

Memetik Muhammad ‘Abd al-Wahhab lagi dalam karya *al-Durar al-Saniyyah*, Aman Abdurrahman (T.th: 83; 87-88) menyatakan bahawa terdapat empat golongan yang boleh dikafirkkan kerana syirik besar iaitu; orang yang mempersekuatkan Allah SWT dalam *al-uluhiyah* setelah dijelaskan hujah, orang yang memperindahkan syirik, orang yang menegakkan keraguan atau syubhah yang batil, dan orang yang melindungi tempat-tempat syirik. Termasuk dalam golongan ini, selain pemerintah taghut dan sistem demokrasi sebagaimana penjelasan di atas, ialah orang yang meminta di kuburan kepada para wali yang telah mati (tawassul). Selain itu, Aman Abdurrahman (T.th: 89-98) turut menolak kritikan yang mendakwa mereka adalah kelompok Khawarij pengkafir umat Islam. Tegasnya, mengkafirkkan pelaku syirik besar merupakan perintah daripada al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Justeru, umat

Islam yang hanya mengharapkan keredaan Allah SWT perlu berani memperkatakan secara terang-terangan soal *takfir*, begitu juga tentang *al-hakimiyyah*.

Bahkan mengkafirkan pelaku syirik besar terangkum dalam melaksanakan *al-bara'*, sehingga ia menjadi sebuah kewajipan kepada setiap *al-muwahhidin*. Ini kerana, mengkafirkan pelaku dosa besar adalah separuh keimanan kepada *La Ilaha Illa Allah*, atau dengan erti kata lain *takfir* sebahagian daripada dasar agama Islam. Tambah Muhammad 'Abd al-Wahhab dalam karya Nawaqid al-Islam, sesiapa yang tidak mengkafirkan pelaku syirik besar, mereka itu turut dihukum sebagai kafir. Maka menurut Aman Abdurrahman (T.th: 50), tidak sah solat di belakang mereka yang semua kafir tersebut. Sebagai rumusannya, berdasarkan perbincangan di atas dan situasi semasa umat Islam, didapati majoriti manusia adalah tergolong dalam kalangan musyrik (Aman Abdurrahman, T.th: 67). Bukan itu sahaja, status anak orang yang dihukum musyrik kafir turut sama dihukum sebagai musyrik di dunia. Anak-anak orang musyrik itu pula boleh dijadikan hamba oleh *al-muwahhidin* (Aman Abdurrahman, T.th: 76). Mereka perlu kembali bertaubat untuk menjadi seorang Muslim beriman.

#### **4. Wajib Memerangi Orang Murtad atau Kafir**

Terdapat banyak implikasi atau akibat buruk lagi keras bagi orang yang murtad atau kafir. Antara implikasi ketika di dunia ialah; gugur hak perwalian pernikahan dan pengasuhan terhadap anak mereka, tidak memiliki wilayah penguasaan terhadap Muslim lain, tidak boleh bersolat di belakang mereka sebagai maknum, tidak boleh menikahi dan dinikahi dengan mereka, haram dimakan sembelihan mereka, tidak boleh mengucapkan salam kepada mereka, tidak boleh memuliakan atau mengagungkan mereka, wajib berlepas diri (*al-bara'*) daripada mereka, tidak boleh saling mewarisi dengan sesama Muslim, dan tidak diakui kehidupan mereka (boleh diperangi dan dibunuh). Antara implikasi di akhirat pula ialah; kepastian mereka sebagai calon ahli neraka, tidak boleh dimandikan, dikafarkan, disolatkan dan didoakan jenazah mereka, tidak boleh dikuburkan dalam perkuburan orang Islam, haram masuk syurga dan mereka kekal dalam neraka, amal ibadat mereka terhapus, dan mereka tidak mendapat syafaat di akhirat kelak (Aman Abdurrahman, T.th: 145-156).

Berkenaan darah orang kafir, Aman Abdurrahman (T.th: 157-160) menyatakan bahawa hukum asal darah orang kafir adalah halal ditumpahkan. Namun ia menjadi haram jika ada salah satu daripada dua keterjagaan (*'ismah'*) iaitu; *'ismah al-iman* (terpelihara disebabkan jaminan keimanan) atau *'ismah al-aman* (terpelihara disebabkan jaminan keamanan). Selain dua keterjagaan ini, orang murtad atau kafir boleh dibunuh dan harta mereka boleh dimusnahkan. Termasuk mereka yang boleh dibunuh ialah pelaku syirik besar, bersandarkan hadis “siapa yang mengganti agamanya, maka bunuhlah dia” (riwayat Muslim) (Aman Abdurrahman, T.th: 91-92). Oleh itu, para taghut selaku wali-wali syaitan bukan untuk ditaati, tetapi mereka wajib diperangi (*al-qital*). Selama mana Islam belum terlaksana sepenuhnya dan fitnah terhadapnya masih berleluasa, selagi itulah jihad *al-qital* tidak berhenti. Memerangi pemerintah taghut akan terus berlangsung, bahkan mereka lebih utama diperangi berbanding kafir asli, kerana mereka berada lebih dekat dan bahaya (Aman Abdurrahman, T.th: 119-121).

Menurut Aman Abdurrahman (T.th: 151) lagi, jika orang yang murtad atau kafir itu bersifat ramai dan berkelompok, mereka tidak perlu untuk dinasihati atau diminta bertaubat, sebaliknya mereka terus diperangi. Begitu juga halnya dengan taghut individu yang memiliki kekuatan, kerana dibimbangi mereka akan memerangi umat Islam terlebih dahulu. Memetik karya al-Durar al-Saniyyah dari Muhammad ‘Abd al-Wahhab pula, dinyatakan bahawa sesiapa yang tidak mengkafirkhan taghut, maka mereka juga wajib diperangi serta harta mereka turut halal (Aman Abdurrahman, T.th: 95). Semua tindakan ini bertepatan dengan al-Quran, hadis dan pendirian para ulama Najd yang bukan sahaja memerangi orang murtad dan kafir, malah memerangi mereka yang tidak mengkafirkhan pelaku syirik besar. Mereka wajib diperangi sehingga kembali kepada Islam (Aman Abdurrahman, T.th: 49-50). Sebagai rumusannya, jihad memerangi orang murtad atau kafir adalah tujuan dan hasil daripada kerangka pemikiran Aman Abdurrahman.

## **ANALISIS KRITIS IDEOLOGI EKSTREM**

Setiap manusia mempunyai pendirian tersendiri dalam menanggapi sesuatu perkara. Pendirian tersebut pula terbentuk daripada sebuah pemikiran yang menjadi pegangan hidup masing-masing. Ini bermaksud, jika pemikiran

seseorang itu benar maka pendirian dan tindakannya akan membawa ke arah kebaikan, namun sebaliknya jika pemikiran itu salah maka pendirian dan tindakannya akan membawa ke arah keburukan. Oleh itu, penting bagi umat Islam untuk menjaga akal agar tidak dipengaruhi dengan perkara yang menyeleweng dan berbahaya seperti ideologi ekstrem. Penelitian terperinci mesti dilakukan terhadap sebarang bentuk ucapan atau tulisan yang boleh menyebabkan umat Islam mempercayai idea ideologi ekstrem tersebut, dan seterusnya mendorong mereka melakukan keganasan. Justeru, makalah perlu menganalisis kerangka atas ideologi ekstrem yang terdapat dalam buku Seri Materi Tauhid tulisan Aman Abdurrahman. Untuk perbincangan yang lebih sistematik, analisis ini akan ditemakan kepada tiga tema berikut:

## **1. Wacana Pengajian Akidah Salafi-Wahabi**

Aman Abdurrahman dalam buku Seri Materi Tauhid, begitu juga pada sorotan yang lain, jelas menunjukkan bahawa beliau berpegang dengan akidah Salafi-Wahabi. Aliran Salafi awalnya dicetuskan oleh beberapa tokoh mazhab Hanbali pada kurun keempat Hijrah bertujuan untuk mengembalikan umat Islam kepada pendekatan Salaf. Usaha ini kemudiannya diteruskan secara lebih bersungguh-sungguh oleh Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim pada kurun ketujuh Hijrah. Seterusnya pada kurun ke-12 Hijrah, muncul Muhammad ‘Abd al-Wahhab dari Najd untuk menghidupkan kembali aliran Salafi tersebut melalui gerakan yang dikenali sebagai Wahabi. Menurut Abu Zahrah (1996: 190; 212-214), Muhammad ‘Abd al-Wahhab tidak membawa wacana akidah yang terlalu baharu, sebaliknya beliau hanya mengambil semula pemikiran Ibn Taymiyyah secara melampau terutamanya dari aspek amaliah. Justeru, dengan dukungan politik keluarga Ibn Sa‘ud, mereka meluaskan pengaruh melalui peperangan fizikal dengan alasan untuk memerangi bidaah dan menegakkan sunnah.

Aliran Salafi-Wahabi berpegang dengan metode pengajian akidah berasaskan Tauhid Tiga (tauhid *al-Rububiyyah*, tauhid *al-Uluhiyyah* dan tauhid *al-Asma’ wa al-Sifat*). Secara umumnya, tauhid *al-Rububiyyah* ialah mengiktiraf bahawa Tuhan yang berkuasa menciptakan, memiliki dan mengatur alam semesta ini adalah Allah SWT. Tauhid *al-Uluhiyyah* atau tauhid *al-‘Ibadah* pula ialah pelaksanaan ibadat atau penyembahan hanya

ditujukan kepada Allah SWT semata-mata (Ibn Taymiyyah, 2000: 186; Muhammad, 1419H: 5). Manakala tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* ialah menetapkan hakikat nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT yang sempurna sebagaimana dalam al-Quran dan hadis (al-'Uthaymin, 1990: 230). Ketiga-tiga tauhid ini terkandung dalam kalimah syahadah *La Ilaha Illa Allah* bagi menunjukkan penyaksian seseorang manusia terhadap Allah SWT selaku Tuhan yang layak disembah. Maka sesiapa yang terjatuh dalam kesyirikan, sama ada besar atau kecil, terang atau sembunyi, adalah terkeluar daripada agama Islam (Aminah, 1983: 207).

Ini bermaksud, konsep tauhid *La Ilaha Illa Allah* yang digunakan oleh Aman Abdurrahman adalah berasaskan Tauhid Tiga. Namun metode Tauhid Tiga ini ditolak oleh para ulama kerana bertentangan dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah, antaranya ialah; para ulama Salaf tidak pernah membahagikan tauhid kepada tiga, al-Quran tidak membezakan antara tauhid *al-Rububiyyah* dan tauhid *al-Uluhiyyah*, tauhid *al-Asma' wa al-Sifat* bertujuan menetapkan nama dan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT dengan makna zahir sehingga membawa kepada *tajsim* dan *tashbih*, orang kafir dianggap lebih beriman dan baik berbanding orang Islam yang tidak memahami makna *La Ilaha Illa Allah*, bermudahan menghukum orang Islam lain sebagai bidaah, sesat, syirik, murtad atau kafir kerana tiada tauhid *al-Uluhiyyah* sekalipun dalam persoalan *khilafiyah*, dan halal darah sesiapa yang dihukum murtad dan kafir (Syed Hadzrullathfi & Muhammad Rashidi, 2012: 55-84). Daripada metode Tauhid Tiga ini juga lahir konsep tauhid *al-Wala' wa al-Bara'* dan tauhid *al-Hakimiyyah*.

Disebabkan itu, para ulama Ahli Sunnah wal Jama'ah menolak aliran Salafi-Wahabi serta tokoh-tokoh mereka. Antara yang keras mengkritik Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim ialah Ibn Hajar al-Haytami (T.th: 203), manakala Muhammad 'Abd al-Wahhab pula turut dikritik oleh abangnya Sulayman 'Abd al-Wahhab melalui kitabnya *al-Sawa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahhabiyyah* (2008). Bagi mendepani kecelaruan ini, umat Islam mesti berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah, dan di Malaysia adalah aliran Asha'irah. Melalui metode Sifat 20, Asha'irah terbukti berjaya menjaga akidah umat Islam daripada pelbagai fahaman menyeleweng termasuklah ekstremisme. Oleh itu, pengajian akidah Salafi-Wahabi

berteraskan Tauhid Tiga perlu dimansuhkan dari sistem pendidikan Islam (al-Hasani, T.th: 31-33). Perkara ini sebagai langkah awal bagi mencegah penularan ideologi ekstrem, seperti yang dibawa Aman Abdurrahman, ke dalam pemikiran umat Islam khususnya di Malaysia (Muhammad Rashidi, 2016).

## 2. Khawarij Mengkafirkan (*Takfir*) Umat Islam

Pihak media Indonesia melaporkan bahawa Aman Abdurrahman digelar “Bapak Takfiri Indonesia” di atas pendirian beliau dalam bermudahan mengkafirkan sesiapa sahaja yang tidak bertauhid *La Ilaha Illa Allah*. Dalam sejarah umat Islam, pemikiran *takfir* merupakan ideologi ekstrem yang menjadi pegangan aliran menyeleweng khususnya Khawarij, begitu juga Shi‘ah. Kemunculan Khawarij berpunca daripada isu politik yang membawa kepada peristiwa *tahkim* ketika Perang Siffin. Diringkaskan, mereka menuntut agar ‘Ali RA bertaubat kerana menerima *tahkim* yang dianggap sebagai dosa besar bahkan menjadi kafir, sedangkan mereka yang mendesak untuk menerima *tahkim* pada awalnya. Melalui slogan “tiada hukum kecuali hukum Allah”, Khawarij mula memerangi kaum Muslimin yang tidak sependapat dengan mereka. Mereka juga mencaci-maki ‘Ali RA dan ‘Uthman RA serta menuduh para pengikut keduanya adalah musyrik. Akhirnya, Khawarij menghalalkan darah orang Muslim yang dikafirkan termasuklah melalui peperangan (Abu Zahrah, 1996: 58-60).

Menurut Abu Zahrah (1996: 58-60), Khawarij berhujah menggunakan zahir al-Quran dan hadis semata-mata tanpa kefahaman yang betul, namun mereka meyakini itulah sebenarnya agama Islam yang suci, yang tidak boleh dilanggari. Mereka juga mempunyai sikap yang lunak kepada orang kafir berbanding keras sesama Muslim. Malah Ibn ‘Umar RA berkata, Khawarij adalah seburuk-buruk makhluk kerana mereka menggunakan ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada orang kafir untuk orang Islam yang beriman (al-Bukhari, 2005: 4/327). Jika diperhatikan, semua ciri Khawarij yang disebutkan ini jelas terdapat dalam buku Seri Materi Tauhid. Aman Abdurrahman mengkafirkan umat Islam yang bersalahan dengannya, dengan menggunakan dalil yang ditujukan kepada orang kafir musyrik. Bahkan pada tulisan lain, beliau turut mengkafirkan kedua-dua ibu bapanya kerana

melakukan amalan *khilafiyah* seperti membaca selawat Nariyyah, yang menurut Aman Abdurrahman ia dilakukan oleh kaum Quburiyyun yang bertawasul kepada kuburan (Islami.co, 2020).

Sikap ini juga selari dengan fikrah Salafi-Wahabi yang bermudahan menghukum orang lain sebagai bidaah, syirik atau kafir sehingga mereka turut dikenali sebagai Khawarij Moden (al-Hayat, 2011). Terkini kesinambungan *takfir* melalui tauhid *al-Hakimiyyah* digunakan oleh kelompok pengganas seperti ISIS bagi membenarkan setiap tindakan kejam mereka (al-Azhari, 2010: 15; Muhammad Rashidi Wahab et. al., 2020: 153-170). Disebabkan itu, ulama Ahli Sunnah wal Jama‘ah menolak budaya *takfir* dan menegaskan ia bukan suatu rukun atau kewajipan dalam agama Islam. Menurut Razali dan Mohd Fauzi (2019: 205-240), Ahli Sunnah wal Jama‘ah mempunyai beberapa pendekatan dalam isu *takfir* iaitu; hukum asal seseorang Islam adalah kekal keislamannya sehingga terbukti dengan yakin hal ini terbatal, Ahli Sunnah wal Jama‘ah tidak mengkafirkan orang Islam yang melakukan maksiat atau dosa besar, kekufuran berlaku disebabkan pendustaan dan keingkarhan, dan kekufuran tidak dilabelkan kepada individu tertentu secara khusus (*mu‘ayyan*).

Dalam erti kata lain, Ahli Sunnah wal Jama‘ah tidak bermudahan mengkafirkan seseorang Muslim melainkan jika mereka melanggar usul yang disepakati dalam agama Islam secara jelas. Sedangkan politik pula, tanpa menafikan kepentingannya, ia adalah cabang fikah yang tidak termasuk dalam usul akidah (al-Bayjuri, 2001: 218; 220). Perkara ini diperkuatkan lagi dengan pelbagai bentuk definisi dan ciri yang diperselisihkan tentang konsep negara Islam (Mohd Izhar Ariff et. al., 2021: 89-106). Maka keberadaan demokrasi dalam dunia Islam bersifat tidak ditolak secara mutlak dan tidak juga diterima secara mutlak. Selagi mana tidak melanggari usul agama, ia boleh diterima kerana sebahagian ciri demokrasi didapati selari dengan tujuan politik Islam (Muhammad ‘Imarah, 2011: 122-126). Berdasarkan semua penjelasan di atas, tindakan Aman Abdurrahman mengkafirkan umat Islam yang melakukan dosa besar, termasuklah dalam perkara cabang fikah dan *khilafiyah*, merupakan sifat Khawarij yang bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah wal Jama‘ah.

Apa yang pasti, pemikiran akidah yang dibawa oleh Aman Abdurrahman tersebut bukan sesuatu yang baharu, kerana jika ditelusuri ia adalah kesinambungan daripada ideologi kumpulan pengganas yang terdapat dalam dunia Islam sehingga kini termasuklah ISIS. Mereka telah menggunakan kembali pemikiran Khawarij dan Salafi-Wahabi dengan mempraktikkan melalui ideologi: Tauhid Tiga - tauhid *al-Wala' wa al-Bara'* - tauhid *al-Hakimiyyah* - *takfir*. Ideologi ini seterusnya digabungkan dengan konsep jihad *al-qital* yang dirasakan benar oleh mereka (Muhammad Rashidi et. al., 2021: 339-404). Pemikiran sebegini turut mempengaruhi sebahagian umat Islam di Malaysia yang dikesan menyertai dan menyokong ISIS (Syafawani & Wan Fariza, 2020: 111-127). Faktor kesalahfahaman ilmu agama (terkeluar daripada Ahli Sunnah wal Jama‘ah yang bersifat *wasatiyyah*) ini ditambah lagi dengan faktor lain seperti propaganda melalui media *online* dan kejahilan berkaitan undang-undang, menjadikan ideologi ekstrem perlu ditangani segera secara lebih menyeluruh di Malaysia.

### **3. Konsep Jihad *al-Qital* dalam Perspektif Islam**

Melihat tajuk buku Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad, didapati Aman Abdurrahman meletakkan jihad beriringan selepas tauhid, sekalipun topik khusus tentang jihad tiada dalam buku tersebut. Perkara ini menunjukkan bahawa jihad mempunyai kedudukan yang penting sebagai hasil dan kesinambungan daripada tauhid. Oleh itu, berdasarkan kerangka ideologi ekstrem di atas, jihad menurut Aman Abdurrahman adalah terarah kepada wajib memerangi atau membunuh orang yang telah dikafirkan oleh mereka. Malah gambaran yang diberikan seolah-olahnya jihad hanya berlaku dengan *al-qital* sahaja. Sebenarnya ideologi jihad sebegini merupakan antara ciri utama setiap kumpulan pengganas yang berselindung atas nama Islam. Menurut al-Buti (2003: 19), sebahagian umat Islam menyangka bahawa jihad disyariatkan selepas hijrah Rasulullah SAW ke Madinah. Maka mereka beranggapan jihad itu hanya dengan maksud *al-qital* semata-mata, sedangkan al-Quran dan hadis sejak sebelum peristiwa hijrah lagi telah menyebutkan jihad dengan pelbagai bentuk.

Sebagai contohnya, firman Allah SWT yang bermaksud: “Maka janganlah kamu mengikuti orang-orang kafir, dan berjihadlah terhadap mereka dengan al-Quran dengan jihad yang besar.” (al-Furqan (25): 52). Begitu juga sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sebaik-baik jihad adalah engkau berjihad melawan diri dan hawa nafsumu kerana zat Allah Taala.” (al-Hindi (no. 11265), 1989: 4/431). Kedua-dua dalil Makkiyah ini membuktikan bahawa maksud jihad adalah luas dan bukan tentang *al-qital* sahaja. Disebabkan itu, ulama Ahli Sunnah wal Jama‘ah menyatakan bahawa jihad mempunyai beberapa jenis seperti jihad melawan hawa nafsu dan godaan syaitan, jihad melalui ilmu atau pendidikan, harta benda atau ekonomi, dakwah, jihad menentang kezaliman atau kemungkaran dalam masyarakat, dan jihad melalui perang (*al-qital*) (al-Qaradawi, 2014: 1/144). Ini bermaksud, kefahaman jihad dengan pengertian *al-qital* semata-mata, sebagaimana pegangan Aman Abdurrahman dan kumpulan pengganas yang lain, adalah terkeluar dari perspektif Islam yang sebenar.

Perlu dicatatkan juga, seruan jihad perang adalah ditentukan oleh pemerintah umat Islam berdasarkan pertimbangan syarak. Apabila pengumuman dikeluarkan, maka menjadi wajib bagi setiap Muslim untuk berjihad (al-Buti, 2003: 112). Antara pertimbangan syarak bertujuan untuk mempertahankan kesucian Islam daripada golongan kafir harbi yang memusuhi Islam. Pun begitu, kelayakan sebagai mujahid adalah bergantung kepada syarat-syarat berikut; Islam, mukallaf, lelaki, kemampuan, dan izin ibu bapa (al-Khin, al-Bugha & al-Sharbaji, 2007: 3/481-483). Maka seruan jihad *al-qital* yang ditujukan kepada orang Islam, tanpa memenuhi kriteria tersebut, seperti mana kenyataan Aman Abdurrahman di atas, adalah bercanggah sama sekali dengan ajaran agama Islam. Perkara ini bertepatan dengan hadis yang bermaksud: “Tidak halal darah seseorang Muslim yang bersaksi tiada Tuhan selainkan Allah dan aku adalah utusan Allah...” (al-Bukhari (no. 6878), 2005: 4/312), dan “Sesungguhnya darah dan harta kalian adalah haram bagi sesama kalian...” (Muslim (no. 1679), 2008: 474).

## **KESIMPULAN**

Ekstremisme merupakan ancaman yang sedang dihadapi oleh dunia Islam dengan kemunculan pelbagai kumpulan pengganas. Dalam konteks Nusantara, salah seorang tokoh yang terkenal berkaitan keganasan ialah Aman Abdurrahman penulis buku Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad. Buku ini membawa ideologi ekstrem yang merangkumi empat perkara asas iaitu; konsep utama tauhid berdasarkan *La Ilaha Illa Allah*, pemerintah adalah taghut dan demokrasi adalah kafir, mengkafirkhan (*takfir*) pelaku dosa dan syirik besar, dan wajib berjihad memerangi orang yang telah dikafirkhan. Ideologi yang dinamakan Salafi Jihadi ini bermula dengan berpegang kepada akidah Khawarij serta Salafi-Wahabi dan hasilnya membawa kepada konsep jihad *al-qital* (al-Yaqoubi, 2015: xii; Sharaz Maher, 2016: 8). Pemikiran ini ditolak oleh Ahli Sunnah wal Jama‘ah yang bersifat *wasatiyyah*. Justeru, pihak kerajaan perlu menangani ancaman ekstremisme secara menyeluruh agar umat Islam di Malaysia menjauhi elemen-elemen ekstremisme bagi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara.

## RUJUKAN

Abu Zahrah, Muhammad. (1996). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. Qahirah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

Al-Azhari, Usamah al-Sayyid Mahmud. (2010). *Al-Haq al-Mubin fī al-Radd ‘ala Man Tala ‘ab bi al-Din*. Abu Dhabi: Dar al-Faqih.

Al-Bayjuri, Ibrahim ibn Muhammad ibn Ahmad. (2001). *Tuhfat al-Murid Sharh Jawharah al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Bukhari, Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Isma‘il ibn Ibrahim. (2005). *Sahih al-Bukhari*. Qahirah: Dar al-Fajr lil Turath.

Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. (2003). *Al-Jihad fī al-Islam: Kayf Nafhamuhu? Wa Kayf Numarisuhu?*. Damshiq: Dar al-Fikr.

Al-Hasani, al-Sayyid Muhammad ‘Alawy al-Maliki. (T.th). *Al-Ghuluw wa Atharuh fī al-Irhab wa Ifsad al-Mujtama‘*. T.tp.: T.p.

Al-Hayat. (5 April 2011). “Shaykh al-Azhar Ya‘tabir al-Salafiyyin “al-Khawarij al-‘Asr”,” laman sesawang al-Hayat. <http://www.alhayat.com/article/1512858>

Al-Haytami, Ahmad Shihab al-Din ibn Hajar. (T.th). *Al-Fataawa al-Hadithsiyyah*. Bayrut: Dar al-Ma‘rifah.

Al-Hindi, ‘Ala’ al-Din ‘Ali al-Muttaqi ibn Hisham al-Din. (1989). *Kanz al-Ummal fī Sunan al-Aqwal wa al-Af‘al*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.

Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Sharbaji, ‘Ali. (2007). *Al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Mazhab al-Imam al-Shafi‘i*. Damshiq: Dar al-Qalam.

Al-Qaradawi, Yusuf. (2014). *Fiqh al-Jihad: Dirasah Muqaranah li Ahkamih wa Falsafatihi fi daw’ al-Quran wa al-Sunnah*. Qahirah: Maktabah Wahbah.

Al-Yaqoubi, Muhammad. (2015). *Refuting ISIS: A Rebuttal of its Religious and Ideological Foundations*. United States: Sacred Knowledge.

Aman Abdurrahman, Abu Sulaiman. (T.th). *Seri Materi Tauhid: Tauhid dan Jihad*. T.tp: [www.millahibrahim.wordpress.com](http://www.millahibrahim.wordpress.com)

Aminah Muhammad Nasir. (1983). *Al-Shaykh Muhammad ibn ‘Abd al-Wahhab wa Manhajuh fi Mabahith al-‘Aqidah*. Qahirah: Dar al-Shuruq.

BBC News Indonesia. (18 Mei 2018). “Aman Abdurrahman dituntut hukuman mati sebagai terdakwa dalang sejumlah serangan teror,” laman sesawang *BBC News Indonesia*. <https://www.bbc.com/indonesia/indonesia-44164847>

Ibn Taymiyyah, Taqi al-Din ibn al-‘Abbas Ahmad ibn ‘Abd al-Halim. (2000). *Al-Risalah al-Tadmiriyyah*. Muhammad ibn ‘Awdah al-Sa‘wiy (ed.). Riyad: Maktabah al-‘Ubaykan.

Internet Archive. (19 Mei 2018). “Seri Materi Tauhid Ust. Aman Abdurrahman,” laman sesawang *Internet Archive*. [https://archive.org/details/SeriMateriTauhidUst.AmanAbdurrahman\\_201805](https://archive.org/details/SeriMateriTauhidUst.AmanAbdurrahman_201805)

Islami.co. (29 Mei 2020). “Mengapa Aman Abdurrahman Mengafirkan Kedua Orang Tuanya?,” laman sesawang *Islami.co*. <https://islami.co/mengapa-aman-abdurrahman-mengafirkan-kedua-orang-tuanya/>

Merdeka.com. (20 April 2018). "Situs milik Aman Abdurrahman sudah ditutup, tapi diakses dengan trik khusus," laman sesawang *Merdeka.com*. <https://www.merdeka.com/peristiwa/situs-milik-aman-abdurrahman-sudah-ditutup-tapi-diakses-dengan-trik-khusus.html>

Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Ezad Azraai Jamsari, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd al-Adib Samuri & Salmy Edawati Yaacob. (2021). "Penentuan Ciri Negara Islam menurut Pemikiran Empat Mazhab Fiqah," *Jurnal Hadhari* 4(2). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad 'Imarah. (2011). *Thawrah 65 Yanayir*. Qahirah: Dar al-Salam.

Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab. (1419H). *Kashf al-Shubuhat*. Riyad: Wazara al-Shu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irshad.

Muhammad ibn Salih al-'Uthaymin. (1990). *Al-Qawa'id al-Muthla fi Sifat Allah wa al-Asma'ihi al-Husna*. Qahirah: Maktabah al-Sunnah.

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat & Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2020). "Sejarah Ekstremisme Sehingga Kemunculan ISIS/DAESH," dalam *Liberalisme dan Ekstremisme: Wacana Pemikiran Kontemporer Islam*. Rahimah Embong et. al. (ed.). Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Muhammad Rashidi Wahab. (6 Oktober 2016). "Implikasi Pengajian Konsep Tauhid Tiga," laman sesawang *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2016/10/199307/implikasi-pengajian-konsep-tauhid-tiga>

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Fauzi Hamat, Mohd Hizam Hanafiah, Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady & Abdullaah Jalil. (2021). “Majalah DABIQ sebagai Medium Propaganda Pemikiran Tauhid Islamic State of Iraq and Sham (ISIS),” *AFKAR: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23(2). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad Rashidi Wahab, Zulkifli Abidin, Mohd Fauzi Hamat, Ahmad El-Muhammady Muhammad Uthman El-Muhammady, Lokman Effendi Ramli & Abdullaah Jalil. (2022). “Keperluan Pembangunan Pelan Tindakan Strategik bagi Menangani Ancaman Ajaran Menyeleweng di Malaysia,” *Journal of Public Security and Safety* 13(1). Putrajaya: Institut Keselamatan Awam Malaysia, Kementerian Dalam Negeri.

Muslim, Abi al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. (2008). *Sahih Muslim*. Qahirah: Dar Ibn Hazm.

Nusantara News. (18 Mei 2018). “Buku Ilmu Tauhid Jadi Salah Satu Alat Bukti Aman Dituntut Hukuman Mati,” laman sesawang *Nusantara News*. <https://nusantarane.ws.co/88893-2/>

Obsatar Sinaga, Prayitno Ramelan & Ian Monratama. (2018). *Terorisme Kanan Indonesia: Dinamika dan Penanggulangannya*. Jakarta: Penerbit PT. Elex Media Komputindo.

Razali Musa & Mohd Fauzi Hamat. (2019). “Pendekatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah dalam Isu Takfir,” *Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah Mendepani Cabaran Semasa*. Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi (ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sharaz Maher. (2016). *Salafi-Jihadism: The History of an Idea*. New York: Oxford Universiti Press.

Shopee. "Seri Materi Tauhid - Abu Sulaiman Aman Abdurrohman," laman sesawang *Shopee*. <https://shopee.co.id/Seri-Materi-Tauhid-Abu-Sulaiman-Aman-Abdurrohman-i.128737821.6461613051>

Sulayman ibn 'Abd al-Wahhab. (2008). *Al-Sawa'iq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahhabiyyah*. Qahirah: Maktabah al-Qahirah.

Syafawani Mohd Hashim & Wan Fariza Alyati Wan Zakaria. (2020). "Ancaman Ideologi Keganasan: Faktor-Faktor Penglibatan Masyarakat Malaysia dalam Kumpulan DAESH," *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 23(1). Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Muhammad Rashidi Wahab. (2012). "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis," *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah: Jurnal Berwasit Antarabangsa* 2. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.

Tutur Ahsanil Mustofa. (2018). *Terorisme dan Konsep Tagut Aman Abdurrahman: Kajian Semantik Kognitif*. Tesis sarjana. Indonesia: UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.

Utusan Malaysia. (1 April 2017). *Siapa Militan Pertama di Malaysia?*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.